

Bekas pengakap sempadan rayu bantu

Free Malaysia Today

6 March 2014

Oleh Luke Rintod and Jurle Sagayong

KENINGAU: Ratusan bekas pejuang pengakap sempadan Sabah merayu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahidi Hamidi, campur tangan menyelesaikan kemelut tanah kediaman yang `dirampas` dari mereka supaya cogan kata polis `jasamu dikenang` terpakai juga untuk mereka.

Presiden penaja Persatuan Bekas Anggota Polis Pengakap Sempadan Sabah (P.P.P.S.S), Saidi Jaimin, 64, yang sebelum ini membuat rayuan yang sama kepada Najib dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman, mengulangi rayuan itu atas desakan para pesara pengakap sempadan yang semakin uzur serta balu-balu anggota dan juga keluarga mereka.

Menurut Saidi, beliau telah memanggil satu mesyuarat khas Sabtu lalu yang telah dihadiri kira-kira 150 ahli, balu dan anak bekas pejuang dan telah membuat ketetapan merayu kerajaan menimbang permohonan mereka untuk kelulusan segera persatuan dan memberikan terus tapak penempatan seluas 45 ekar itu kepada bekas pengakap sempadan.

“Dulu memang ada satu kawasan kerajaan beri khas kepada bekas anggota atau pesara pengakap sempadan tinggal tetapi kawasan itu telah diambil semula oleh polis dan kini dibina flat untuk anggota polis.

“Kebanyakan anggota kami sudah tua dan uzur, dan mereka ini dulu sibuk dengan tugas untuk negara manalah mereka sempat memiliki tanah di kawasan masing-masing. Kami berharap kerajaan guna pakai cogan kata `jasamu dikenang` bagi menghargai pengorbanan anggota kami, berilah tanah ini kepada kami, jangan usir kami lagi,” katanya.

Katanya kali terakhir border scout tinggal di tempat lama ialah pada 1990-an selepas itu mereka bersama keluarga dikerah berpindah ke bekas Kem Pasukan Polis Hutan iaitu tempat mereka tinggal sekarang.

Tinjauan ke penempatan mereka baru-baru ini mendapati keadaan tempat tinggal yang sudah usang dan tandas tidak berfungsi dengan baik lagi. Keadaan penempatan mereka sebagai bekas pejuang Sabah dan Malaysia mengejutkan penulis, dan hairan kenapa tiada pihak mengambil peduli, seolah-olah mereka ini hendak disembunyikan pula dari pengetahuan umum.

Ramai pesara pengakap sempadan ini kini bimbang berdepan kemungkinan diusir sekali lagi oleh PDRM dari perkampungan yang semakin dikenali sebagai `kampung pengakap sempadan` itu seluas 45 ekar bersebelahan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sini.

Para pesara pengakap sempadan yang kebanyakannya bangsa Murut ini sudah tua dan uzur tidak tahu ke manakah mereka dan keluarga mereka pergi jika diusir sekali lagi. Balu-balu bekas anggota juga sudah tua, dan baru-baru ini ada dua lagi pesara berkenaan meninggal dunia.

‘Meneruskan kehidupan’

“Kami mintalah kerajaan menimbang memberikan pengakap sempadan dan keluarga mereka tanah 35 ekar ini sahaja untuk mereka terus tenang menetap dan meneruskan kehidupan di sini. Kami pun sudah ada plan untuk penempatan kami ini,” kata Saidi ketika ditemui selepas mesyuarat khas mereka.

Menurutnya penduduk telah merancang membahagikan kawasan 35 ekar untuk keluarga bekas pengakap sempadan manakala 10 ekar lagi untuk kawasan umum untuk riadah termasuk dewan, gelanggang sukan dan kemudahan lain termasuk sebuah muzium kecil pengakap sempadan.

Beberapa papan tanda melarang masuk ke kawasan sudahpun didirikan oleh PDRM di sekeliling kawasan penempatan pengakap sempadan itu dengan menekankan ia adalah milik PDRM. PDRM juga telah memagar sekeliling penempatan itu, dan semalam dikatakan pintu keluar di bahagian belakang sudahpun dikunci, tinggal pintu besar tempat penduduk lalu.

Beberapa bekas pesara pengakap sempadan yang sempat ditemui melahirkan rasa terkilan atas layanan yang mereka terima, namun mereka masih percaya pemimpin seperti Najib dan Zahid sepatutnya prihatin dengan pengorbanan mereka kepada negara dan keadaan keluarga mereka sekarang.

Sjn (b) Pisara Asah, 80, yang berasal dari Kampung Bakuku, Tenom, berharap kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya kepada permohonan mereka terhadap 36 ekar itu lagipun itu diberi sebagai menggantikan kawasan asal yang telah diambil alih.

“Tolonglah kami sudah tua. Ramai balu dan anak-anak anggota kami di sini...” katanya.

Insp (b) Sirut Gawai, 79, yang berkhidmat dari tahun 1962 sehingga beliau berhenti tugas pada tahun 1970-an menceritakan pelbagai keperitan yang mereka lalui di hutan ketika bertugas dan memandangnya sebagai pengorbanan tertinggi seseorang yang mencintai negara.

“Pada tahun 1974, gaji kami hanya RM380 sebulan, bayangkanlah kami bertugas, bantulah bekas-bekas anggota kami...” katanya

L/Kpl (b) Angkasong Bulinau, 69, dari Pensiangan juga turut menyuarakan harapan yang sama, begitu juga dengan rakannya Pamiang Asui, 60, dari Kampung Inubai, Tenom.

Menurut Pamiang, kawasan rumah kampungnya di Inubai sering ditenggelami banjir dan berharap benar kerajaan meluluskan penempatan border scout dengan kadar segera.

Mohon pengorbanan diiktiraf

L/Kpl (b) Antiko Angun dari Kuala Tomani, 65, Tenom, dan L/Kpl (b) Kiboh Kaban, 60-an, dari Pegalungan, turut melahirkan perasaan yang sama memohon pengorbanan mereka diiktiraf.

L/Kpl (b) Bantagon Sukuon, dari Kampung Kabangawong juga menagih simpati termasuk beberapa pemimpin Umno yang pernah beliau temui dan menyatakan perihal kehidupan bekas anggota pengakap sempadan.

Kumpulan pengakap sempadan yang ditubuhkan pada tahun 1962 oleh British sebagai satu unit khas dalam tentera tetapi kemudian diserap sebagai polis sehingga 1990-an, hanya pernah wujud

di Sabah dan kebanyakan anggotanya adalah dari kaum Murut tetapi termasuk juga beberapa Dusun dan Iban.

Kebanyakan mereka pernah terlibat dengan pertembungan dengan pihak musuh terutama ketika konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia pada tahun 1963 sehinggalah beberapa tahun kemudian.

Ketika musim kegemilangannya mungkin terdapat lebih 650 anggota border scout tetapi kini dianggarkan hanya kira-kira 300 yang masih hidup, sementara yang lain tinggal balu dan anak-anak mereka.

Kampung pengakap sempadan kini didiami kira-kira 102 keluarga, manakala sanak-saudara bekas pengakap sempadan dianggarkan sekitar 10,000 orang di sekitar Pedalaman Sabah dan juga beberapa tempat lain.

FMT juga pernah ditunjukkan satu surat yang ditanda tangani Setiausaha Sulit Kanan Perdana Menteri, Mohammad Ammir Haron pada 6 Mac 2013 kepada Ketua Polis ketika itu, Tan Sri Ismail Omar, supaya menimbang perkara permohonan anggota-anggota pengakap sempadan terhadap kawasan 46 ekar yang mereka sedang duduki sekarang.

Ismail kini Duta Besar Malaysia ke Peranchis.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/06/bekas-pengakap-sempadan-rayu-bantu/>